



4th Issue **VOLUME 2 : NOVEMBER 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN

Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 2 | November 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 43** Congratulations!
- 72** Thank You
- 73** Press and Media Coverage



EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri
Mrs. Nur Nadia Qausar Juhari

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 November 2025

NEWS AND ARTICLES

Bengkel Penulisan Laporan Impak (BPLI) untuk Projek Komuniti Tellian (PKT)

Penulis: Siti Faridah Kamaruddin, Dayang Hummida Abang Abdul Rahman, Nur Ain Abu Bakar, dan Juriah Japar



Sebuah bengkel dokumentasi projek komuniti yang dinamakan “Bengkel Penulisan Laporan Impak” (BPLI) telah diadakan pada 15 hingga 17 Julai 2025 yang lalu di Hotel Kingwood, Mukah. Bengkel ini merupakan aktiviti penutup daripada Projek Komuniti Tellian (PKT) yang telah diadakan sejak bulan April 2021 sehingga Mac 2023, dan kemudian tempoh pelaksanaan projek komuniti ini telah dilanjutkan sehingga Disember 2027 atas persetujuan penaja utama projek komuniti iaitu pihak Pejabat N.57 Tellian. Pelaksanaan bengkel ini telah dipimpin oleh Penyelaras Projek iaitu Puan Dayang Hummida Abang Abdul Rahman dan Ketua Projek iaitu Puan Juriah Japar.

Penglibatan pensyarah dalam program komuniti yang telah dijalankan sebelum ini telah memberi peluang kepada mereka untuk menyumbangkan kepakaran masing-masing dengan melibatkan diri secara langsung dalam aktiviti berbentuk kemasyarakatan dan pembangunan sosial. Namun, tanpa adanya sistem dokumentasi yang baik, pengalaman berharga para pensyarah yang terlibat dalam program komuniti tersebut mungkin tidak dapat disimpan untuk rujukan pensyarah lain, yang turut ingin menyumbang kepada komuniti menerusi penganjuran projek komuniti berskala sederhana besar pada masa akan datang. Program BPLI ini telah dimulakan dengan taklimat penyediaan laporan impak oleh Cik Nur Ain Abu Bakar yang mana beliau telah menerangkan berkenaan format penulisan laporan industri dari institusi-institusi lain yang beliau pernah terlibat sebelum ini.



Barisan penulis dan penganjur yang menjayakan program BPLI

Seterusnya, program ini diteruskan dengan penulisan dalam kumpulan kecil yang melibatkan lapan buah modul berbentuk perniagaan yang melibatkan 17 orang penulis. Pada hari terakhir program BPLI, setiap ketua penulis membentangkan hasil kerja mereka sepanjang bengkel. Program pembentangan ini adalah bermanfaat untuk setiap penulis bagi menambahbaik kaedah penulisan serta menyeragamkan penulisan mereka sebelum diterbitkan dalam bentuk buku untuk diberikan kepada pemegang taruh yang berkenaan. Pihak penganjur ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua penulis yang terlibat kerana telah meluangkan masa selama tiga hari dan menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menghasilkan laporan impak, serta ahli-ahli jawatankuasa yang telah bertungkus-lumus dalam melancarkan perjalanan sepanjang program.



Telephone/Fax
084-876100/084-876300



Email Address
korporat_swk@uitm.edu.my



Website
<https://sarawak.uitm.edu.my/>



Address
**Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak Kampus Mukah,
KM 7.5 Jalan Oya,
96400 Mukah, Sarawak.**

eISSN 2976-257X



9 7 7 2 9 7 6 2 5 7 0 0 9